

07/11/1999

Jakarta minta bantuan RM760j

KUALA LUMPUR: Indonesia meminta Malaysia memberi kemudahan kredit AS\$200 juta (RM760 juta) lagi untuk membeli beras bagi menampung sebahagian daripada keperluan makanan republik itu.

Kemudahan kredit itu adalah tambahan kepada AS\$100 juta (RM380 juta) yang diberikan Petronas melalui Petronas International Trading bagi meringankan beban yang dihadapi Indonesia.

Hasrat Indonesia itu disuarakan oleh Presidennya, Abdurrahman Wahid kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengadakan kunjungan hormat ke atas pemimpin itu di sini semalam.

Dalam sidang akhbar selepas perjumpaan yang mengambil masa lebih sejam itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Abdurrahman juga menyatakan penghargaan kepada Dr Mahathir kerana bantuan yang diberikan oleh Petronas.

"Indonesia berharap Petronas, melalui cawangan antarabangsanya akan menghulurkan RM760 juta lagi kepada republik itu jika boleh," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua pemimpin juga membincangkan mengenai kerjasama dan bertukar pandangan meliputi soal politik, ekonomi, pelaburan, perdagangan serta kerjasama Asean.

Abdurrahman dalam rangka lawatan kerja tidak rasmi dua hari yang turut disertai isterinya, Sinta Nuriyah dan Menteri Luar, Alwi Shihab.

Sebelum itu, Abdurrahman, yang tiba dari Singapura dalam rangka lawatan kerja ke negara Asean, menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara.

Syed Hamid berkata, sebagai negara keempat paling ramai penduduk di dunia dan pernah menjadi pengeksport komoditi itu, kini tidak mampu membeli beras yang mencukupi disebabkan oleh kekurangan rizab tukaran wang asing akibat masalah kewangan.

"Kerajaan akan menggalakkan Petronas jika boleh untuk menambah kemudahan kredit kepada Indonesia, tetapi terserahlah kepada Petronas untuk mengambil keputusan," katanya.

Syed Hamid berkata, Indonesia juga meminta Malaysia memberi pandangan dan resolusi bagi mengatasi masalah Aceh.

"Malaysia sentiasa mengambil pendekatan tidak campur tangan dalaman negara jiran tetapi sekarang Indonesia meminta kita menyumbang bagi mengatasi masalah Aceh.

"Kita akan berbincang lebih lanjut dengan mereka mengenai perkara itu," katanya sambil menambah pertemuan antara Abdurrahman dengan Dr Mahathir berjalan dalam keadaan mesra dan terbuka.

Katanya, Abdurrahman juga meminta Malaysia menghantar rombongan pelaburan ke Indonesia dalam usaha meningkatkan lagi perdagangan dua hala.

"Hubungan erat yang ada di antara Malaysia dan Indonesia akan diteruskan dan Malaysia akan menyumbang untuk membantu Indonesia dalam pembangunan ekonominya," katanya.

Beliau berkata, Abdurrahman juga membayangkan Jakarta lebih suka penggunaan yang meningkat aturan pembayaran dua hala di antara kedua-dua negara sebagai alat mempertingkatkan perhubungan dua hala.

(END)